

Lebih \$550j dari anggaran asal Biaya pangkalan TLDM di Lumut naik \$1,000 juta

IPOH, Rabu — Datuk Seri Dr. Mahathir M o h a m a d meramalkan, belanja pembinaan Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Lumut akan meningkat lebih \$1,000 juta (satu billion ringgit) \$550 juta lebih dari anggaran awalnya — apabila projek itu siap empat tahun lagi.

Bellau berpendapat perbelanjaan projek raksaksa itu akan meningkat disebabkan peningkatan kos akibat harga barang-barang yang tinggi di samping melibatkan masa yang banyak.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu para pembeirita demikian di lapangan terbang di sini pagi ini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur setelah melakukan lawatan rasmi dua

Oleh FARUSH KHAN

hari ke Perak, bersama isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah.

Bellau, yang melawat kawasan projek pangkalan TLDM itu semalam, menjelaskan, pada masa ini banyak bangunan-bangunan kakitangan Tentera Laut di pangkalan itu telah pun siap di samping beberapa projek besar yang lain.

"Saya yakin menjelang tahun 1984, semua kerja-kerja pembinaan projek tersebut akan siap," ujarnya.

Projek tersebut pada awalnya dianggar menelan belanja cuma \$450 juta dan siap dua t a h u n l a g i. Bagaimanapun, awal tahun ini, Kerajaan mengumumkan, perbelanjaan telah meningkat hingga \$850 juta, terutama sekali disebabkan harga barang-barang binaan yang tinggi.

Tergendala

Apabila siap, projek pangkalan itu akan dapat menampung kira-kira 30,000 orang.

Mengenai pembangunan lain, bellau berkata dalam melaksanakan projek-projek itu "Kita banyak ketinggalan disebabkan oleh beberapa perkara.

"Projek-projek Persekutuan dan negeri banyak ketinggalan dan lewat dilaksanakan kerana soal-soal berkaitan dengan tanah dan kakitangan yang tidak cukup," jelasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beberapa projek seperti bangunan-bangunan Persekutuan, sekolah dan hospital umpamanya, tergendala kerana proses pengambilan tanah dimulakan terlalu lewat dan memakan masa yang lambat.

Keselamatan

Bagi mengatasi masalah seperti ini, katanya, Kerajaan mengambil langkah-langkah tertentu.

"Satu daripadanya ialah melalui Yunit Permodenan Tadbiran dan Tenaga Manusia (UPTM) di bawah Jabatan Perdana Menteri yang merangkakan cara untuk mempercepatkan proses tersebut.

"Sementara itu, jabatan-jabatan sama ada Persekutuan mahupun Negeri sepatutnya mengenali dahulu tapak-

tapak projek masing-masing dan mengambil tindakan lebih awal," katanya.

Bellau menjelaskan, Kerajaan telah berusaha melaksanakan projek-projeknya seberapa yang boleh.

"Tetapi kerana masalah-masalah lain, kita tidak dapat mencapai matlamat kita sepenuhnya," katanya.

M e n g e n a i keselamatan, Timbalan Perdana Menteri berpendapat, Pasukan Keselamatan telah dapat mengawal keadaan keselamatan di negara ini dengan baik dan telah mencapai kejayaan-cemerlang tahun ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia